

19 MAR 1999

Pita-Laporan

IBRAHIM BUAT LAPORAN POLIS BERHUBUNG PITA RAKAMAN

KOTA BAHARU, 19 Mac (Bernama) -- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Paduka Ibrahim Ali hari ini membuat laporan polis berhubung pita rakaman yang didakwa mengandungi arahan pihak-pihak tertentu agar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin-pemimpin Umno dibunuh.

Ibrahim membuat laporan itu di Ibu Pejabat Daerah Polis Kota Baharu di sini.

Dalam laporan itu Ibrahim berkata pita rakaman itu diberikan seorang rakannya yang menjumpainya dalam laci guru di sebuah sekolah di Tumpat awal bulan ini.

"Kandungan pita itu menyebut supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad patut dibunuh dan ramai lagi nama-nama pemimpin Umno lain disebut dalam tape itu termasuk nama saya, juga dengan pelbagai fitnah jahat yang tidak benar," katanya kepada pemberita selepas membuat laporan itu.

Ibrahim berkata jika pita rakaman itu dibiarkan diedarkan secara berleluasa ia boleh mengancam keselamatan.

Beliau juga membuat satu lagi laporan polis berhubung satu artikel yang disiarkan sebuah majalah bulanan berbahasa Melayu keluaran terbaru terbitan sebuah parti politik, yang didakwa mempunyai unsur-unsur fitnah dan boleh mengelirukan umat Islam.

Ibrahim, yang juga anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno, berkata sudah sampai masanya tindakan tegas diambil terhadap mereka yang cuba mengancam keselamatan negara.

-- BERNAMA

BD AKD